




Apakah Pendirian Sebenar Rakyat Malaysia Terhadap Hukuman Mati?

Tinjauan Semenanjung Malaysia mengenai pandangan terhadap hukuman mati serta kesetimpalannya sebagai hukuman

Kontroversi mengenai tahap penghapusan hukuman mati

Kerajaan PH telah mengumumkan keputusan mereka untuk menghapuskan hukuman mati pada tahun 2018.



Ini diikuti oleh pelbagai pernyataan dasar yang bertentangan...

"Pemansuhan **penuh**
hukuman mati"



YB Datuk Liew Vui Keong
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
November 2018

"Masih mempertimbangkan
pemansuhan hukuman mati
mandatori"



YAB Datuk Seri Dr Wan Azizah
Timbalan Perdana Menteri
November 2018

"Ganti mandatori dengan
hukuman mati atas **budi
bicara mahkamah**"



YB Haniffa Maidin
Timb. Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Mac 2019

... serta bantahan daripada masyarakat.



Rakyat Malaysia pernah ditinjau mengenai pendapat mereka terhadap penghapusan hukuman mati...



... tetapi tinjauan-tinjauan lepas terlalu ringkas untuk merangkumi pendapat terhadap isu rumit ini.



[Online poll](#) by The Star on 12th October 2018

Isu ini dirumitkan lagi di Malaysia dengan peruntukan hukuman mati mandatori



11

kesalahan termasuk membunuh dan aktiviti keganasan dihukum mati mandatori jika bersalah

Perasaan keadilan dan kesetimpalan hukuman rakyat Malaysia perlu dicerminkan dengan lebih tepat

Pandangan terhadap 'keadilan' hukuman mati perlu ditinjau dengan:

- Jenis kesalahan
- Fakta kes
- Hukuman mandatori atau budi bicara

Terutamanya, sebahagian besar kes hukuman mati di Malaysia adalah berkaitan dengan kesalahan dadah.

Number of death row cases



Sumber: Malaysiakini.
Angka-angka tepat sehingga Oktober 2018.

The Death Penalty in Malaysia

Public opinion on the mandatory
death penalty for drug trafficking,
murder and firearms offences

Roger Hood



Sebelum ini, tinjauan yang paling luas mengenai pendapat umum terhadap hukuman mati di Malaysia dibuat pada tahun 2013.

Professor Roger Hood mendapati bahawa **sokongan terhadap hukuman mati turun** selepas senario dan fakta kes dibentangkan kepada responden.

Kami ingin mengemaskini serta memperbaiki kajian tersebut

Pada November–Disember 2019, The Centre telah menjalankan sebuah tinjauan mengenai pandangan umum terhadap hukuman mati untuk memahami:

- Faktor-faktor yang mendorong sokongan untuk hukuman mati, dan
- Pendapat rakyat Malaysia tentang apa yang dianggap hukuman yang setimpal untuk pelbagai kesalahan dan senario.

Laporan ini memaparkan hasil kajian dan cadangan kami untuk pihak yang berkepentingan.



Perincian Kajian

Metodologi Kajian

Tinjauan bersemuka terhadap 500 orang dewasa di Semenanjung Malaysia

Sampel rawak berstrata mengikut negeri, umur, jantina, dan kaum.

Tinjauan dijalankan dari 29 November hingga 6 Disember 2019.

Perancangan Tinjauan

Tinjauan kami merujuk kepada tiga tinjauan lain:

- (1) Hood, Roger. 2013. "The Death Penalty In Malaysia". The Death Penalty Project.
- (2) O'Neil, Kevin M., Marc W. Patry, and Steven D. Penrod. 2004. "Exploring The Effects Of Attitudes Toward The Death Penalty On Capital Sentencing Verdicts." *Psychology, Public Policy, And Law*.
- (3) Chan, Wing Cheong, Ern Ser Tan, Jack Lee, and Braema Mathi. 2018. "Public Opinion On The Death Penalty In Singapore". *NUS Law*.


Soal selidik diedarkan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, dan Bahasa Mandarin.

Bahagian-bahagian tinjauan

- 1 Demografi > Jantina, umur, kaum, tahap pendidikan, pendapatan
- 2 Pandangan umum terhadap hukuman mati > Tahap sokongan untuk hukuman mati dan nilai/kepercayaan yang berkenaan dengan hukuman dan keadilan
- 3 Pendapat atas hukuman **MAKSIMUM** untuk pelbagai jenis kesalahan > Penilaian responden terhadap hukuman yang setimpal untuk kesalahan yang kini boleh dikenakan hukuman mati, termasuk membunuh dengan niat dan penyalahgunaan dadah
- 4 Pendapat atas hukuman **MAKSIMUM** untuk pelbagai jenis senario > Penilaian responden terhadap hukuman yang setimpal apabila dikemukakan dengan fakta-fakta kes benar (perincian pengenalan telah disunting daripada soal selidik)

Demografi Responden

JANTINA



51%

49%

KAUM

Melayu/Bumiputera	60%
Cina	30%
India	9%
Lain-lain	1%

UMUR

18 – 25	25%
26 – 35	30%
36 – 45	20%
46 – 55	16%
55 & ke atas	9%

TAHAP PENDIDIKAN

SPM & ke bawah	38%
STPM/Sijil/Diploma	27%
Ijazah Sarjana Muda & ke atas	35%


NEGERI

Johor	15%	Perak	10%
Kedah	8%	Perlis	1%
Kelantan	7%	P. Pinang	7%
Melaka	4%	Selangor	24%
Negeri Sembilan	5%	Terengganu	5%
Pahang	7%	Kuala Lumpur	7%

HASIL KAJIAN

A. Pandangan Umum terhadap Hukuman Mati


Tidak semudah “Ya” atau “Tidak”



Sebahagian besar responden berpendapat bahawa hukuman mati diperlukan walaupun majoriti itu kecil

Figure 1: Necessity of death penalty

“I think the death penalty is needed in a society”
How much do you agree or disagree with this statement?



60% responden berpendapat bahawa hukuman mati diperlukan dalam kalangan masyarakat.


Namun begitu, terdapat **kumpulan responden yang agak ketara (31%)** yang bersikap berkecuali terhadap soalan ini.

Nampaknya, pendapat rakyat Malaysia terhadap hukuman mati lebih rumit daripada apa yang dikemukakan dalam tinjauan 'ya/tidak'.

Penyokong hukuman mati tidak semestinya tegas dalam pandangan mereka

Figure 3: Clarity of views amongst death penalty supporters

“I think the death penalty is needed in a society” vs. “I have clear/definite views about the death penalty”



Antara mereka yang setuju atau amat setuju bahawa hukuman mati itu diperlukan, hanya 66% dan 67% daripadanya tegas memegang kepada pandangan mereka.

Hasil ini menunjukkan jurang antara sokongan terhadap hukuman mati dengan pengetahuan mendalam yang kurang tentang isu ini.

Penyelidikan semasa* terhadap pendapat umum telah mengenal pasti

4 faktor utama

yang mendorong sokongan atau bantahan terhadap hukuman mati.


Kami telah menguji semua faktor ini.



Kepercayaan
terhadap
pembalasan



Kepercayaan
terhadap
pencegahan



Kebimbangan
kos/pragmatisme




Kepercayaan
terhadap
pemulihan/hukuman
alternatif

Sebahagian besar responden percaya bahawa keadilan boleh dicapai dengan hukuman mati

Figure 4: Belief in retribution 

“I would feel satisfied if those guilty of certain crimes died”
How much do you agree or disagree with this statement?



71% responden berasa puas hati sekiranya pesalah yang melakukan jenayah tertentu mati. Idea 'an eye for an eye' adalah lazim dalam masyarakat.


Sebahagian besar responden percaya bahawa keadilan boleh dicapai dengan hukuman mati (2)

Figure 5: Retribution for whom?



3 statements on retribution

How much do you agree or disagree with this statement?



Kepuasan daripada pembalasan adalah lebih untuk **mangsa dan keluarga mereka** daripada kepuasan untuk masyarakat pada umumnya (walaupun ia masih penting).

Ini menunjukkan bahawa **empati terhadap penderitaan orang lain** adalah pendorong utama sokongan terhadap hukuman mati. Namun begitu, hasil kajian kami akan menunjukkan bahawa keadaan dan sifat penderitaan ini adalah penting.


Walaupun kepercayaan terhadap pembalasan agak tinggi, lebih banyak responden percaya bahawa hukuman mati boleh mencegah jenayah

Figure 6: Retribution vs. deterrence



1 retribution vs. 2 deterrence statements

How much do you agree or disagree with this statement?



Pencegahan adalah faktor yang lebih besar daripada pembalasan dalam sokongan untuk hukuman mati. 84%-85% responden percaya bahawa hukuman mati mampu menjauhkan orang daripada melakukan jenayah tertentu.

Walaupun terdapat banyak penyelidikan dalam bidang ini, masih belum ada bukti yang muktamad mengenai keberkesanan hukuman mati terhadap pencegahan jenayah*.

*<https://www.washingtonpost.com/news/wonk/wp/2014/04/30/theres-still-no-evidence-that-executions-deter-criminals/>


Kos/pragmatisme bukan faktor yang penting

Figure 7: Comparing costs



“It is more cost-efficient to sentence to death rather than life imprisonment”

How much do you agree or disagree with this statement?



Responden agak berpecah sama ada hukuman mati menjimatkan lebih kos daripada penjara seumur hidup. Hanya 50% yang setuju atau amat setuju dengan premis tersebut.


Hasil ini mungkin disebabkan oleh keengganan untuk menyamakan hidup seseorang dengan wang. Responden dengan ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi didapati lebih setuju mengenai penjimatan kos hukuman mati berbanding dengan responden yang tiada ijazah.

[BACKUP] Kos/pragmatisme bukan faktor yang penting

Figure 7: Comparing costs 

“It is more cost-efficient to sentence to death rather than life imprisonment”

How much do you agree or disagree with this statement?



Untuk soalan yang objektif ini, kami dikejut kerana responden agak berpecah sama ada hukuman mati menjimatkan lebih kos daripada penjara seumur hidup. Hanya 50% yang setuju atau amat setuju dengan premis tersebut.

Hasil ini mungkin disebabkan oleh keengganan untuk menyamakan hidup seseorang dengan wang. Responden dengan ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi didapati lebih setuju mengenai penjimatan kos hukuman mati berbanding dengan responden yang tiada ijazah.


Sebahagian besar bersetuju dengan hukuman penjara seumur hidup, tetapi sokongan untuk pengampunan kurang

Figure 8: Belief in alternative sentencing and rehabilitation



2 statements testing this belief

How much do you agree or disagree with this statement?



Majoriti yang besar, 83%, bersetuju dengan hukuman penjara seumur hidup.

Namun begitu, terdapat 68% responden yang setuju atau bersikap berkecuali terhadap pemberian peluang kedua kepada mereka yang dipenjarakan seumur hidup. Sebanyak 30% responden membantah pengampunan atau pengurangan hukuman.

Secara keseluruhannya, pandangan terhadap pemulihan agak berpecah.

Penyelidikan yang lain telah mendapati perbezaan pandangan yang berbeza di seluruh demografi. Kebanyakan negara di mana penyelidikan telah dilakukan, lelaki dan etnik tertentu didapati lebih cenderung menyokong hukuman mati.


Penyelidikan kami mendapati beberapa perbezaan sikap yang signifikan terhadap hukuman mati mengikut usia, etnik, tahap pendidikan dan pendapatan.

Usia	Responden yang berumur 55 tahun dan ke atas, kurang dari 20% menyokong hukuman mati daripada mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun.
Etnik	Responden Cina adalah 16% lebih cenderung menyokong hukuman mati daripada responden Melayu / Bumiputera. Responden India 18% lebih cenderung menyokong hukuman mati daripada responden Melayu / Bumiputera.
Pendidikan	Responden berpendidikan tinggi 45% lebih cenderung menyokong hukuman mati daripada yang hanya berpendidikan Sekolah Menengah.
Pendapatan Isi Rumah	Responden dengan pendapatan isi rumah bulanan RM8,000 dan ke atas, hanya 23% memilih hukuman mati berbanding responden dengan pendapatan isi rumah bulanan bawah RM3,000.

Selain daripada demografi, nilai dan kepercayaan seseorang mendorong sokongannya terhadap hukuman mati.



Responden yang percaya faktor pencegahan adalah **40% lebih mungkin** menyokong hukuman mati.




Responden yang percaya idea 'an eye for an eye' adalah **20% lebih mungkin** menyokong hukuman mati.



Responden yang percaya bahawa hukuman mati lebih menjimatkan kos berbanding dengan penjara seumur hidup adalah **26% lebih mungkin** menyokong hukuman mati.

B. Kesetimpalan Hukuman

Hukuman yang sesuai dengan keparahan dan niat




Kami meninjau pandangan responden mengenai hukuman mati dengan mengemukakan jenis kesalahan tertentu serta fakta kes dari kes sebenar.

Sokongan yang jelas untuk hukuman mati, termasuk mandatori, untuk jenayah yang ganas dengan niat

Figure 9: Maximum punishment for harm/murder

3 offences resulting in serious harm and/or death

What do you think should be the MAXIMUM punishment for these offences?



Apabila situasi menunjukkan niat dan serangan yang tinggi, pilihan responden terhadap hukuman mati semakin meningkat.

85% responden memilih hukuman mati untuk pembunuhan dengan niat, dengan tahap sokongan yang sangat tinggi untuk hukuman mati mandatori, hampir 50%.


Namun, seperti yang ditunjukkan oleh halaman berikutnya, ketika fakta kes diperkenalkan, pendirian hukuman mati mati untuk pembunuhan berkurang.

Faktor-faktor mitigasi jelas menyederhanakan pandangan mengenai hukuman mati.

Figure 10: Maximum punishment for two murder scenarios

Murders with mitigating vs. aggravating factors

What do you think should be the MAXIMUM punishment for these offences?



Seperti disebutkan di halaman sebelumnya, 85% responden memilih hukuman mati kerana membunuh dengan sengaja. Namun, apabila dilampirkan dengan fakta kes, hanya 27% memilih hukuman mati bagi mangsa penderaan rumah tangga yang didapati bersalah membunuh penyalahgunaannya.


Kes pemuda (kes T. Nhaveen) yang mati akibat serangan ganas yang berpanjangan oleh rakan sebayanya mendapat kecaman yang lebih tinggi - 66% memilih hukuman mati. Walaupun begitu, di sebalik kejadian yang kejam, kurang dari seperempat responden memilih hukuman mati mandatori..

Sokongan untuk hukuman mati dalam kesalahan berkaitan dadah hanya untuk kingpins (1)

Figure 11: Maximum punishment for drugs-related offences - buying and selling

3 levels of buying and selling

What do you think should be the MAXIMUM punishment for these offences?



Untuk pembelian dan penjualan dadah secara kecil-kecilan, hanya minoriti yang memilih hukuman mati. Walaubagaimanapun, lebih daripada 61% responden memilih hukuman mati untuk kingpins dengan jumlah yang tinggi, hampir 30%, yang menuntut hukuman mati mandatori.

Tahap keparahan dan niat jenayah mempengaruhi tahap sokongan untuk hukuman mati.


Walaupun rakyat Malaysia masih bersikap konservatif terhadap dadah, hukuman yang lebih proporsional dalam kesalahan yang berkaitan dengan dadah tidak akan bertentangan dengan pendapat umum.

Sokongan untuk hukuman mati dalam kesalahan berkaitan dadah hanya untuk kingpins (2)

Figure 12 Maximum punishment for drugs-related offences - transporting

Knowing and not knowing

What do you think should be the MAXIMUM punishment for these offences?



Berkenaan dengan keldai dadah, hanya sebilangan kecil responden, 15%, yang menyokong hukuman mati bagi mereka yang secara tidak sengaja membawa dadah.

Sebilangan besar, 38%, menuntut hukuman mati bagi mereka yang dengan sengaja mengedar dadah. Hal ini serupa dengan hasil pembelian dan penjualan dadah secara kecil-kecilan yang ditunjukkan dalam slaid sebelum ini.


Responden TIDAK ditinjau mengenai kefahaman mereka dengan bebanan bukti yang sekurang-kurangnya memerlukan pengetahuan / niat di mahkamah.

[BACKUP] Dadah vs Pembunuhan

Figure 14 Maximum punishment for serious drug offences vs. serious harm/murder offences

A comparison

What do you think should be the MAXIMUM punishment for these offences?



Tambahan pula, sokongan untuk hukuman mati nampaknya konsisten terhadap semua kesalahan.

'Penjualan dadah atau kingpins dianggap layak mendapat hukuman mati setimpal dengan mereka yang membunuh.

Melihat Di Bawah Permukaan: Ringkasan

60%

Dari Jumlah Keseluruhan

Responden yang setuju atau sangat setuju bahawa hukuman mati sangat diperlukan dalam masyarakat



Hanya

3%

Dari Mereka

Memilih hukuman mati mandatori dalam senario pembunuhan 'isteri yang



Hanya

6-8%

Dari Mereka

Memilih hukuman mati mandatori dalam dua senario membawa



Hanya

1%

Dari Mereka

Memilih hukuman mati mandatori untuk SEMUA senario

Melihat Di Bawah Permukaan (2)

60%

Dari jumlah keseluruhan

Responden yang setuju atau sangat setuju bahawa hukuman mati diperlukan dalam masyarakat



Hanya
26%

Dari mereka

memilih hukuman mati mandatori dalam senario pembunuhan 'serangan geng'

Hanya
7%

Dari mereka

Memilih hukuman mati mandatori dalam senario pengakuan paksa yang berkaitan dengan dadah

Hanya
1%

Dari mereka

Memilih hukuman mati mandatori untuk SEMUA senario

Sebagai penutup tinjauan, responden diminta untuk menyatakan pendapat mereka untuk penggunaan hukuman mati mengikut keadaan.

What do you think about the death penalty?

Please tick all options that apply to you.

— % of all respondents

Use it only for the most violent crimes such as violent rape and murder

73

Use it only for the most serious crimes such as terrorism or genocide

47

Dengan mengesahkan hasil bahagian lain, sokongan untuk hukuman mati lebih tinggi untuk jenayah ganas dan 'peribadi' seperti rogol dan pembunuhan berbanding dengan terrorisme atau genocide walaupun jumlah kematian berpotensi lebih tinggi.

Ini menggarisbawahi hubungan empati peribadi dengan mangsa dan keluarga mereka dalam sokongan orang terhadap hukuman mati.

What do you think about the death penalty?

Please tick all options that apply to you.

— % of all respondents

Use it based on specific facts of the case

64

Use it only if the system (police, judiciary) is free of corruption

41

Use it only if the system (police, judiciary) works properly

55

Kepentingan mengetahui fakta kes agak tinggi, membuktikan bahawa orang ramai berminat dengan faktor mitigasi.

Sebilangan responden mengakui bahawa hukuman mati hanya boleh digunakan dalam sistem penguatkuasaan dan kehakiman yang berfungsi dengan baik. Untuk memastikan penggunaan hukuman mati dengan tepat memerlukan sistem yang bersih dan kompeten.

Agama bukanlah faktor utama sokongan masyarakat terhadap hukuman mati.

Responden juga tidak mempunyai kepercayaan pada pemulihan atau rehabilitasi, sekurang - kurangnya apabila berkaitan dengan hukuman mati.

Hanya 4% berpendapat bahawa hukuman mati tidak patut digunakan, Malaysia masih mempunyai sebelum pemansuhan hukuman mati sepenuhnya.

What do you think about the death penalty?

Please tick all options that apply to you.

■ % of all respondents

Use it when justified and allowed by religion

42

Use it only if low possibility for the criminal to be rehabilitated

34

Don't use it at all

4

KESIMPULAN

3 perkara penting dari kajian ini

1

60% responden - majoriti kecil - merasakan hukuman mati diperlukan dalam masyarakat tetapi 31% yang besar bersikap neutral terhadap persoalan ini.

Hanya dua pertiga daripada mereka yang merasakan hukuman mati diperlukan, jelas atau pasti mengenai pandangan mereka.

Rakyat Malaysia tidak begitu menyokong hukuman mati seperti yang disarankan oleh tinjauan binari.



2

Walaupun tiada bukti mengenai kuasa pencegahan hukuman mati, sebilangan besar percaya akan kuasa pencegahan ini.

Keinginan untuk pembalasan, juga merupakan faktor pendorong yang kuat, terutamanya bagi pihak mangsa.

Pola kepercayaan ini mencerminkan peningkatan sokongan terhadap hukuman mati. Pembunuhan dan rogol dianggap menerima hukuman mati, daripada terrorisme dan genocide.

3

Sokongan untuk hukuman mati adalah yang tertinggi untuk jenayah serius tetapi menurun dengan ketara untuk jenayah yang sama tetapi tanpa niat atau pengetahuan. Sokongan untuk hukuman mati turun lebih jauh jika dibandingkan dengan fakta seperti usia atau duress.

Kurang daripada 15% menyokong hukuman mati mandatori, kecuali untuk jenayah ganas.



Kesimpulan

Penemuan dari tinjauan kami menunjukkan pemikiran masyarakat Malaysia lebih bersyarat dan bernuansa daripada jawapan binari 'ya / tidak'.

Berdasarkan jawapan yang diberi oleh responden untuk kesalahan yang bukan serius, terutamanya yang berkaitan dengan pengangkutan ataupun pemilikan dadah, kami berpendapat bahawa sokongan orang ramai terhadap hukuman mati dan hukuman mati mandatori akan berkurang jika ada pemahaman yang lebih baik mengenai proses penyiasatan dan hukuman.

Kepada penggubal dasar dan undang-undang, kami mengesyorkan penggunaan kajian yang diperoleh melalui penyelidikan yang mendalam, daripada menggunakan pengundian umum yang terlalu luas untuk menentukan nada masyarakat umum. Penggunaan ini berpotensi untuk melambatkan proses reformasi.

Kepada aktivis anti-hukuman mati: Majoriti responden masih menganggap hukuman mati diperlukan, walaupun secara simbolik. Untuk memastikan advokasi berkesan, aktivisme dan advokasi harus mengutamakan hukuman yang setimpal - termasuk pemansuhan hukuman mati secara progresif - terutama untuk kesalahan yang berkaitan dengan dadah.



■ Pengenalan The Centre

The Centre adalah sebuah badan penyelidikan yang berteraskan kepada pemikiran sentrisme (centrist) di Malaysia. Ahli *The Centre* terdiri daripada pelbagai latar belakang tetapi semuanya berpegang kepada nilai-nilai *non-partisan*, pragmatisme dan keprihatinan.

Angka atau grafik kelihatan tidak jelas? Laporan ini juga boleh dibaca di centre.my melalui pautan tertera di bawah



[Do Malaysians Really Support The Death Penalty?](#)



[When Do Malaysians Support The Death Penalty?](#)

Untuk pertanyaan atau maklumat lanjut, hantarkan e-mel kepada kami di editorial@centre.my.